

19/06/2000

MCA pulih

Ebi Azly Abdullah

DEWAN Lee San Choon di Wisma MCA pada pagi Sabtu lalu menjadi tumpuan ratusan manusia. Bukan kerana ada perlawanan kung fu atau konsert pop di bangunan itu, tetapi kerana bermulanya Perhimpunan Agung MCA ke-47.

Mesyuarat perwakilan parti terbesar mewakili kaum Cina itu kali ini menjanjikan kelainan. Dengan pelbagai isu semasa yang panas, kebanyakannya membabitkan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, sudah tentu perwakilan mahukan 'cerita di sebalik tabir' mengenai apa sebenarnya berlaku.

Segala-galanya bermula pada 22 Mei lalu, apabila Dr Ling menggemparkan negara (dan Jawatankuasa Pusat MCA) dengan keputusannya untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Bagaimanapun, selepas menerima pelbagai permintaan dan rayuan untuk menarik balik keputusan itu, ditambah pula dengan cuti dua minggu di Australia, pemimpin MCA itu menarik balik keputusannya pada 6 Jun lalu.

Pelbagai penjelasan diberi mengenai faktor sebenar yang membawa kepada keputusan Dr Ling itu, dan semuanya diteliti dengan rapi. Alasan pertama beliau ialah untuk memberi peluang kepada muka baru parti berkhidmat pada peringkat tertinggi.

Ia disusuli pula penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memaklumkan bahawa Dr Ling mahu mengundur diri kerana tersinggung atas dakwaan dan prasangka terhadap beliau dan keluarganya.

Baru-baru ini, khabar angin yang tersebar luas di kalangan ahli ialah Dr Ling mahu mengundur diri kerana ahli perniagaan, Datuk Soh Chee Wen mahu mendedahkan rahsia buruk mengenai pemimpin MCA itu, sesuatu yang disangkal habis-habisan oleh beliau.

Tanpa memberi sebarang penjelasan, Dr Ling membuka ruang untuk spekulasi mendalam berhubung sebab sebenar. Pandangan ramai ialah tindakan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek mengkritik beliau secara terbuka dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) parti, memberi kesan mendalam dan mempengaruhi tindak-tanduknya untuk bersara.

Lim, bekas Ahli Parlimen Bentong dan Pengerusi Badan Perhubungan MCA Pahang, mempersoalkan pemilihan empat Menteri Kabinet MCA dari Johor, termasuk Dr Ling sendiri. Beliau yang tidak pernah lantang bersuara, secara emosi menyalahkan Presiden MCA itu sebagai berat sebelah, kerana tidak memilih wakil negeri lain untuk menganggotai Kabinet.

Pendirian bekas Menteri Sumber Manusia itu amat jelas. MCA diperuntukkan empat jawatan Menteri penuh dalam Kabinet, tetapi pencapaian cemerlang parti itu dalam pilihan raya umum 1999 membayangkan kemungkinan tambahan kerusi.

Ketika ini selain Dr Ling selaku Menteri Pengangkutan, tiga kuota MCA lain disandang Naib Presiden iaitu Datuk Ong Ka Ting sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Datuk Chua Jui Meng (Menteri Kesihatan) dan Datuk Dr Fong Chan Onn (Menteri Sumber Manusia).

Ini bermakna, Naib Presiden keempat iaitu Datuk Chan Kong Choy tidak dapat menjadi Menteri Penuh. Beliau hanya menjadi Timbalan Menteri Kewangan, dan beliau juga adalah 'anak didik' Lim. Inilah punca sebenar kemelut yang melanda parti itu. Ini diakui oleh Dr Ling dalam ucapan dasar presiden pada perhimpunan itu.

Penganalisis politik berkata, punca utama membawa kepada 'kemarahan' Lim ialah Dr Ling pernah menjanjikan kedudukan menteri penuh untuk Chan, yang membawa kepada tindakan Timbalan Presiden MCA itu melepaskan kedudukannya

sebagai Ahli Parlimen Bentong. Isu itu memuncak pada akhir Mei dan kerana kedudukan kuota Kabinet tidak boleh diubah, Dr Ling terpaksa membuat pengorbanan dan memutuskan mengundur diri.

Bagaimanapun, keputusan menggantikan pemimpin dalam Kabinet bukan tertakluk kepada Dr Ling. Ia adalah hak Perdana Menteri.

Amaran Dr Mahathir bahawa MCA boleh kehilangan jawatan Menteri Pengangkutan yang begitu penting, memberi kesan kepada Presiden parti itu.

Dr Ling mengalah dan menarik balik keputusan untuk mengundur diri dari Kabinet. Bagaimanapun, sidang akhbar beliau pada 6 Jun itu tidak memberi penjelasan terperinci dan membuka laluan kepada spekulasi tambahan.

Lim pula mendakwa Dr Ling tidak menemuinya untuk menyelesaikan perbalahan antara kedua-dua pemimpin itu.

Perhimpunan Agung parti menyusul tiba, ramai yang menanti ketibaannya.

Mereka tidak dihampakan. Selepas perasmian persidangan oleh Perdana Menteri, ucapan dasar Presiden oleh Dr Ling digunakan beliau untuk memulakan `serangan'.

Beliau mengakui wujud tekanan besar untuk memilih calon sesuai ke Kabinet, dan kuota sedia ada tidak mencukupi bagi memenuhi setiap permohonan.

Presiden MCA itu turut melahirkan rasa sedihnya kerana kritikan bertalu-talu Lim berhubung isu kepemimpinan, walaupun kedua-duanya rakan rapat, ketika tekanan memuncak, yang disifatkannya sesuatu yang tidak diperlukan ketika ini.

Bukan itu saja, katanya, hasrat murni untuk melepaskan jawatan bagi memberi laluan kepada muka baru, sebaliknya didakwa pihak tertentu sebagai cuba melindungi masalah peribadi lain.

Ia berterusan ketika perdebatan. Pemimpin veteran, Datuk Wong Mook Leong melahirkan harapan tinggi supaya Dr Ling menjelaskan punca sebenar keinginan beliau meletakkan jawatan. Ini kerana wujud percanggahan dalam penjelasan Presiden MCA itu dengan kenyataan Perdana Menteri.

Wong berkata, Dr Ling hanya memberitahu beliau mengambil keputusan itu disebabkan kekurangan jawatan Kabinet. Sedangkan, Dr Mahathir menganggap peletakan jawatan Dr Ling bukan disebabkan oleh kekurangan jawatan berkenaan.

"Sehubungan itu, kami hendak tahu punca sebenar Dr Ling meletak jawatan," katanya. Jika pemimpin veteran parti itu sendiri `pening' dengan keadaan yang melanda MCA, apatah lagi peringkat akar umbi.

Apa yang menarik, ketika Wong berucap, Dewan San Choon menjadi gemuruh dengan seruan perwakilan menyuruh pemimpin itu turun dari pentas - sesuatu yang tidak pernah berlaku kepada seorang ahli CC MCA ketika persidangan.

Ucapan sinis dan `sekejap' Datuk Chan Kong Choy pula menarik perhatian. Beliau berkata dalam isu peletakan jawatan Dr Ling, wujud dua orang merana, iaitu Dr Ling dan dirinya.

Chan berkata, demi menjaga imej dan kebaikan parti beliau rela menjadi mangsa dan sanggup menanggung segala kepedihan.

"Jika kebaikan parti terjamin, saya rasa pengorbanan saya adalah kecil. Ia adalah cabaran politik dan menjadikan perjuangan saya untuk parti lebih kental," katanya.

Bagaimanapun, pandangan akar umbi harus diambil perhatian. Mereka berpendapat pucuk pemimpin MCA perlu menyelesaikan segera masalah politik yang membabitkan pemimpin parti itu serta memastikan ia tidak berulang, kerana ia boleh memberi gambaran kurang baik kepada pengundi dan parti.

"Jangan biarkan pengundi mendapat gambaran silap bahawa pemimpin MCA hanya berminat berebut jawatan dalam Kabinet," kata perwakilan Terengganu, Chua Chin Biaw.

Perwakilan Pulau Pinang, Tan Cheng Liang, pula berkata Dr Ling dan Lim harus diberi masa dan ruang, dengan tiada campur tangan orang luar.

Katanya, mungkin ada sesetengah pihak yang ingin mengambil peluang itu untuk memecahbelahkan MCA.

Bagaimanapun, segala persoalan terjawab pada akhir persidangan. Dr Ling dan Lim yang berbincang mengenai perbezaan masing-masing, bersetuju berdamai demi kepentingan dan perpaduan parti.

Tanpa mendedahkan persetujuan yang dicapai, Presiden MCA itu berkata, isu barisan pelapis masa depan MCA harus diserahkan kepada perwakilan untuk pertimbangan mereka. Pemilihan MCA akan datang dijadual berlangsung pada 2002. Namun, kehangatan berkempen seolah-olah sudah bermula. Ketika sidang akhbar bersama oleh Dr Ling dan Lim berjalan, kedengaran pertelingkahan hangat di lobi Dewan Lee San Choon.

Bukan itu saja, kehangatan persidangan memberi kesan kepada seorang perwakilan dari Pahang, yang pengsan sebaik saja majlis selesai. Perwakilan Pahang itu, Fong Koong Fuee, dihantar ke hospital dengan diiringi oleh tidak lain tidak bukan, 'pegawai kesihatan' tertinggi negara - Datuk Chua Jui Meng (Menteri Kesihatan).

Walau apa pun, kematangan kepemimpinan MCA menyelesaikan masalah secara tertutup, walaupun mungkin sedikit panas pada awalnya, memberi gambaran positif untuk Barisan Nasional (BN) dan Umno khususnya.

Hanya sebuah MCA yang kukuh akan menjanjikan kekuatan padu bagi BN dalam mentadbirkan negara.

(END)